

! Perpaduan ummah n... transformasi

H PEMBOBORONG

BERAS

▪ Jual bijirin bersubsidi
pada harga mahal

▪ Segelintir pemborong beras mengaut untung atas angin RM12 juta sebulan dengan memanipulasi kira-kira 30,000 tan beras subsidi Super Tempatan 15 (ST15). Pemborong membungkus beras ST15 menggunakan beg jenama lain dan melabelkannya sebagai beras super spesial tempatan lima peratus hancur (SST5) yang harga runcitnya jauh lebih tinggi.



FOTO: ASYRAF HANZAH

12

LAPORAN Harian Metro,
23 Oktober lalu.

Pensyarah syor hapus subsidi

Oleh Muhd Izawan Baharin,
Amir Abd Hamid, Yusmizal
Dolah Aling, Rizanizam Abdul
Hamid

am@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

“Sebut saja barangan yang disubsidi kerajaan, pasti berlaku penyelewengan. Jadi cara terbaik untuk mengelak pihak tertentu mengaut duit subsidi ini, hapuskan saja subsidi termasuk beras.

Demikian pandangan Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Perniagaan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Prof Dr Shazali Abu Mansor mengenai isu ketirisan 30,000 tan daripada 40,000 tan beras subsidi super tempatan 15 peratus hancur (ST15) seperti didedahkan Harian Metro sejak 23 Oktober lalu.

Dari sudut ekonomi, pemberian subsidi menyebabkan pasaran menjadi tidak cekap kerana harga yang ditawarkan tidak menyamai harga pasaran sebenar apatah lagi jika pada masa sama berlakunya kuasa monopoli.

“Inilah punca penyelewengan apabila ada pihak mengambil kesempatan di atas perbezaan harga subsidi dengan nilai pasaran. Sebaiknya tidak perlu beri subsidi beras dan biarkan saja ia di pasaran terbuka.

“Pengeluaran dan pengedaran beras ST15 juga tidak sepatutnya dimonopoli sebuah syarikat saja kerana keuntungan pastinya menjadi keutamaan mereka.

“Bayangkan, jika tiada kuasa monopoli, kesannya harga beras pasti menjadi lebih murah apabila banyak syarikat bersaing secara sihat. Malah jika kita dapat melihat beras sebagai satu sekuriti atau keselamatan pun, itu lebih bagus,” katanya ketika dihubungi Harian Metro di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan eksklusif bersiri Harian Metro sejak 23 Oktober lalu mengenai penyelewengan dan ketirisan beras ST15 apabila dianggarkan 30,000 tan bekalan komoditi itu dengan nilai subsidi RM12 juta dipercayai mengalami ketirisan setiap bulan.

Sumber mendedahkan, dipercayai 10,000 tan beras berkenaan yang dibekalkan Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) kepada pemborong pada harga subsidi RM1,350 setiap tan ‘wujud’ di pasaran.

Laporan bersiri itu mendedahkan hasil ujian Makmal Penyelidikan Karbohidrat Fakulti Sains dan Teknologi Makanan Universiti Putra Malaysia Serdang terhadap empat sampel beras 10 kilogram yang mendapati semuanya mempunyai peratusan hancur yang berkali ganda jauh lebih tinggi daripada dicatatkan pada label.

Hasil kajian mendapati beras ST15 sepatutnya mempunyai 15 peratus beras hancur mempunyai hampir 37 peratus hancur manakala beras Super Special Tempatan lima peratus hancur mengandungi 27 peratus bijian hancur.